



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL ALAM KITA (SETIAWANGSA)**

23 JUN 2024 (AHAD)

**TAMAN TASIK TITIWANGSA,
KUALA LUMPUR**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES;

Pegawai-Pegawai Kanan NRES;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana kita semua diberi peluang untuk bersama-sama di Majlis Perasmian Karnival Alam Kita (Setiawangsa) di Taman Tasik Titiwangsa pada hari ini.

2. Sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, saya amat berbesar hati untuk menjadi sebahagian daripada satu acara penting yang mempamerkan komitmen kementerian kami untuk menjayakan agenda kelestarian negara untuk semua rakyat Malaysia melalui wadah karnival ini.

3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang taruh, penaja, dan setiap warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan agensi di bawahnya yang telah bekerja tanpa mengenal penat lelah demi menjayakan Karnival Alam Kita ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman semua, objektif penganjuran Karnival Alam Kita bagi meningkatkan dan mempromosikan kesedaran orang awam tentang amalan kelestarian selain memperkukuhkan kolaborasi dengan pemegang taruh kementerian.

5. Penganjuran Karnival Alam Kita ini juga merupakan satu lambang komitmen Kerajaan MADANI hari ini melalui NRES yang mahu memastikan khazanah alam yang diamanahkan kepada kita semua hari ini kekal lestari untuk generasi akan datang.

6. Jika diteliti, tiga daripada enam tonggak utama nilai strategik kerangka dasar Malaysia Madani seperti Kemampanan, Daya Cipta dan Kesejahteraan ini berkait rapat dengan fungsi NRES sebagai sebuah kementerian yang menaungi pelbagai portfolio dalam menjayakan agenda kelestarian negara yang merangkumi pengurusan sumber asli dan alam sekitar, menggalakkan pertumbuhan dan inovasi industri teknologi hijau; serta inisiatif-inisiatif mendepani perubahan iklim di peringkat nasional.

7. Oleh itu, NRES telah mengambil langkah untuk ‘turun padang’ bersama jabatan dan agensi, serta pemegang taruh utama melalui wadah karnival ini, dengan matlamat memupuk nilai-nilai budaya hijau kepada masyarakat dan meningkatkan literasi kelestarian alam sekitar orang awam melalui Kempen Gaya Hidup Hijau yang telah dilancarkan oleh NRES awal tahun ini.

8. Selain daripada menjadi platform untuk Kementerian mendidik orang awam, penganjuran karnival ini juga memberi ruang kepada NRES untuk mendapatkan input dan maklum balas di peringkat akar umbi untuk NRES menambah baik perkhidmatan Kementerian dan Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi di bawahnya.

KARNIVAL ALAM KITA

Hadirin sekalian,

9. Selaras dengan tema Karnival Alam Kita iaitu ‘Bersama Membina Masa Depan Lestari’, pelbagai aktiviti yang berteraskan kelestarian alam diketengahkan antaranya Green Jobs Screening, pameran perkhidmatan Jabatan dan Agensi di bawah NRES serta rakan strategik, petting zoo kerjasama dengan 99 Wonderland, jualan eko market, pameran produk hutan dan banyak lagi. Semestinya, aktiviti-aktiviti ini menjanjikan keseronokan dan pengalaman berharga buat semua untuk membudayakan amalan lestari dan gaya hidup hijau.

10. Sebagai Kementerian yang diamanahkan sebagai ‘penjaga’ atau ‘custodian’ khazanah bumi Malaysia ini, kami di NRES melihat Karnival Alam Kita ini lebih daripada sekadar penganjuran acara, tetapi sebagai simbol komitmen Kementerian yang memerlukan sokongan dan maklum balas daripada semua penduduk setempat untuk meningkatkan tahap kesedaran umum tentang amalan-amalan gaya hidup hijau dan lestari yang boleh dipupuk di peringkat akar umbi.

11. Penganjuran karnival ini juga adalah peluang untuk NRES melibatkan diri dengan masyarakat, mendengar kebimbangan anda semua, dan bekerjasama dalam mencari penyelesaian. Melalui karnival ini, kami telah cuba mempamerkan yang terbaik dari apa yang ditawarkan oleh NRES dan harapan kami agar semua hadirin hari ini juga menyambut baik mesej kelestarian yang dibawa oleh Kementerian ini.

EKOSETIAWANGSA

Hadirin sekalian,

12. Kita sedia maklum berkenaan masalah-masalah yang biasa dihadapi oleh perbandaran seperti masalah pengangkutan *first-mile* dan *last-mile*, sampah plastik yang menyebabkan longkang tersumbat, pengurusan sisa, dan pelbagai lagi. Masalah-masalah ini amat sukar untuk diatasi dengan pendekatan sama yang kita amalkan selama ini. Saya fikir, untuk menyelesaikan sebahagian besar daripada permasalahan hari ini dan permasalahan masa hadapan, amat perlu untuk gaya hidup kita berubah.

13. EkoSetiawangsa merupakan satu inisiatif yang saya hasratkan untuk menjadikan kawasan Setiawangsa sebagai satu 'urban eco-district' yang mengamalkan gaya hidup lestari, merangkum aspek tenaga hijau, mobiliti rendah karbon, pengurusan sisa kitaran dan komuniti lestari. Dengan mengamalkan gaya hidup lestari, harapan kita ialah supaya Setiawangsa menjadi satu kawasan yang neutral karbon, hijau dan inklusif di mana faedahnya dapat dinikmati oleh setiap penduduk.

14. Bagi menjayakan EkoSetiawangsa, keterlibatan daripada pihak kerajaan pusat dan agensi-agensi amatlah penting, termasuk NRES, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), URBANICE Malaysia, Yayasan Hijau Malaysia serta Pejabat Parlimen Setiawangsa. Dalam hal ini, saya sedia maklum dan amat menghargai usaha-usaha yang telah diambil oleh DBKL termasuk dalam memilih Wangsa Maju sebagai Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon (PPNK) 2050.

15. Satu lagi aspek yang sangat penting bagi memastikan inisiatif EkoSetiawangsa ini efektif dan berterusan ialah penglibatan secara kolaboratif dan bottom-up daripada pelbagai pihak berkepentingan terutamanya penduduk setempat, entiti komersil, agensi kerajaan, persatuan dan NGO.

16. Antara rakan strategik EkoSetiawangsa ialah GreenSteps Malaysia, KLEAN, Grab, EARTH, Maribumi Starchtech, FatHopes, Friends of Bukit Dinding, JPSM, Kumpool, serta Alam Flora. Usaha-usaha sedang dilakukan untuk menggalakkan pihak-pihak ini mempelopori lebih banyak inisiatif lestari di kawasan Setiawangsa.

17. Pada hari ini, kita akan menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara EkoSetiawangsa Enterprise dengan NGO/Persatuan, pelancaran laman portal EkoSetiawangsa dan beberapa aktiviti lain. Harapan kita supaya model EkoSetiawangsa ini berjaya dan dapat diteladani oleh daerah-daerah dan bandar-bandar lain.

SAMBUTAN JUBLI EMAS AKAS

Hadirin yang dihormati,

19. Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada setiap 5 Jun. Ia menjadi satu platform penting untuk meningkatkan kesedaran global mengenai isu-isu alam sekitar yang kritikal. Tahun ini, tema sambutan ialah *Land Restoration, Desertification and Drought Resilience* yang menekankan kepentingan pengurusan pembangunan yang lestari sebagai kunci dalam memastikan kesejahteraan manusia dan alam sekitar dalam jangka masa panjang. Pembangunan yang lestari merangkumi beberapa aspek penting yang saling berkaitan. Antaranya kesihatan ekonomi, kesihatan alam sekitar, kesihatan sosial, pembangunan infrastruktur yang lestari, pendidikan dan kesedaran serta tadbir urus yang baik.

20. Dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek ini, pembangunan yang lestari dapat dicapai dalam masa yang sama kita dapat memastikan bahawa kemajuan ekonomi tidak mengorbankan alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Pembangunan yang lestari bukan sahaja untuk kepentingan masa kini tetapi juga untuk memastikan bahawa generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan persekitaran yang sihat.

21. Salah satu elemen penting di dalam usaha melestarikan alam sekitar adalah penguatkuasaan akta. Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 telah diwartakan pada 15 Mac 1974 dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah NRES. Pada tahun 2024, akta ini menyambut ulang tahun yang ke-50 atau Jubli Emas di mana akta ini telah dipinda sebanyak tujuh (7) kali sepanjang 50 tahun penguatkuasaannya bagi memberi ruang penambahbaikan demi kelestarian alam sekitar.

21.Justeru, komitmen kita untuk melindungi dan memulihkan alam sekitar perlu diperkukuh. Hanya dengan usaha secara bersama, kita dapat memastikan “Tanah Kita, Masa Depan Kita” membuahkan limpahan kekayaan semulajadi dan ketahanan alam sekitar buat Malaysia demi kemakmuran bersama semua lapisan rakyat negara ini.

PENUTUP

22.Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada hadirin semua yang bersama-sama dengan kita pada semalam dan hari ini, dan menyeru anda semua untuk menggunakan peluang hari ini sebaik mungkin untuk kita bersama-sama sebagai sebuah komuniti, menyokong agenda pengurusan sumber asli yang lestari, usaha melestarikan alam dan mendepani cabaran perubahan iklim di Malaysia.

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya ini dengan Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.